

RAJAH 6

MENGGUNA PAKAI SUPTECH

Fasa pertama projek Suptech melibatkan pengumpulan data mengenai pelaburan oleh dana unit amanah daripada pengantara terpilih, diikuti dengan proses pembersihan data yang memerlukan libat urus aktif dengan pengantara bagi memastikan data yang telah dibersihkan dan boleh digunakan untuk pemodelan, visualisasi dan analisis data berikutnya. Hasil yang diharapkan daripada pelaksanaan ini adalah untuk memudah cara dan membolehkan penyelia mempunyai pandangan menyeluruh mengenai pelaburan mengikut dana unit amanah, serta mengenal pasti potensi risiko berdasarkan kriteria yang dikenal pasti di peringkat dana, pengantara atau industri.

SC menjangkakan bahawa projek ini akan diperluaskan ke pelbagai bidang lain untuk meningkatkan secara beransur-ansur kaedah penyeliaan semasa, pensampelan data dan penilaian proses kepada pandangan berdasarkan populasi dan gambaran penuh tentang tingkah laku dan amalan pengantara untuk membolehkan intervensi terhadap risiko yang muncul dilaksanakan tepat pada masanya.

